

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU**

**(BATU GAJAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada produk-produk insurans nyawa dan insurans am di negara kita adalah setanding dengan produk-produk insurans di negara-negara maju. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempelbagaikan, mengembang dan memajukan industri insurans di negara kita.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, produk insurans di Malaysia adalah setanding dengan produk insurans di negara maju di mana produk-produk insurans yang ditawarkan telah mengambil kira

keperluan dan permintaan pasaran. Produk insurans yang ditawarkan buat masa ini adalah seperti insurans motor, insurans kebakaran, insurans hayat dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, industri insurans Malaysia masih belum mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menawarkan produk-produk yang kompleks dan bernilai tinggi seperti insurans penerbangan, insurans perkapalan, insurans minyak dan gas serta kelas liabiliti tertentu seperti insurans pencemaran dan sebagainya. Bagi membolehkan penanggung insurans tempatan mengeluarkan polisi insurans berkaitan kepada pemilik risiko, sebahagian besar daripada risiko tersebut harus diinsuranskan semula dengan penanggung insurans di luar negara. Tindakan menginsuranskan semula risiko-risiko ini adalah suatu perkara yang lazim dalam industri insurans bagi mengelakkan risiko penumpuan (*concentration risk*).

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memajukan lagi sektor insurans di Malaysia supaya ia dapat menjadi industri yang dinamik dan menyokong aktiviti ekonomi negara. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang diusahakan adalah:

- i. Pengenalan rangka kerja bagi insurans hayat yang dikenali sebagai

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga yang bertujuan untuk mewujudkan suasana operasi yang lebih fleksibel bagi menggalakkan penanggung insurans menggunakan saluran pengagihan yang lebih pelbagai;

- ii. Melupuskan Tarif Motor dan Tarif Kebakaran secara berperingkat bermula tahun 2016;
- iii. Ketetapan lain bagi memelihara kepentingan konsumen juga akan diperkenalkan termasuklah keperluan untuk memperbaiki tahap penzahiran maklumat, peningkatan pengetahuan konsumen berkaitan insurans dan juga penyeragaman perkataan yang digunakan dalam polisi untuk mengurangkan kekeliruan;
- iv. Mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif yang dapat mengurangkan ketirisan kewangan dalam sektor insurans agar kos operasi penanggung insurans dan premium bagi produk insurans dapat dikurangkan. Antaranya inisiatif yang telah dilaksanakan bagi tujuan ini adalah penubuhan pusat panggilan yang dikenali sebagai Accident Assist Call Centre (AACC) pada Jun 2013 yang menyediakan khidmat bantuan jalan raya (*road assistance*) dan memberi maklum balas bagi pertanyaan asas atau biasa berhubung tuntutan motor bagi manfaat orang ramai; dan

v. Cadangan untuk memperkenalkan rangka kerja insurans/takaful mikro bagi rakyat berpendapatan rendah dan juga segmen masyarakat yang memerlukan perlindungan seperti golongan orang kurang upaya dan sebagainya.

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini diharapkan penawaran produk insurans di negara ini dapat dipesatkan lagi dengan memberi perhatian yang lebih menyeluruh kepada keperluan insurans setiap golongan masyarakat di Malaysia.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR  
[ BATU GAJAH ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kekurangan guru-guru di SJKC dan SJKT di seluruh negara. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 30 April 2015, kekurangan guru di SJKC adalah seramai 875 orang, manakala di SJKT pula mengalami kekurangan sebanyak 91 orang. Antara langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC dan SJKT ini ialah dengan pelaksanaan proses penempatan guru baharu, pertukaran dan penempatan semula (*redeployment*).